

BAB ENAM

RUMUSAN

6.1 Cadangan - Cadangan

Dewasa ini program TV Pendidikan yang dikelolakan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan hanya tertumpu untuk menyediakan rancangan - rancangan yang bercorak pengajaran dan pembelajaran terhadap sesuatu mata pelajaran. Sebaliknya rancangan - rancangan yang berbentuk pendidikan tidak formal kurang disiarkan oleh TV Pendidikan. Melalui rancangan pendidikan tidak formal ini pelbagai mesej, nilai, tingkah laku serta maklumat dapat diterapkan terhadap para pelajar.

Oleh yang demikian program pembangunan di TV Pendidikan melalui Bahagian Teknologi Pendidikan perlulah ditingkatkan untuk mempelbagaikan lagi rancangan - rancangan pendidikan negara. Ini boleh dilakukan dengan penubuhan unit khas Media Pendidikan di peringkat kebangsaan. Ia perlu dilakukan dengan segera, demi menampung permintaan terhadap rancangan - rancangan bercorak pendidikan.

Unit Media Pendidikan ini perlulah mempunyai bidang kuasa yang berasingan bagi memastikan segala urusan penerbitan dan penyiaran rancangan - rancangan pendidikan pelajar dapat berjalan lancar.

Di samping itu masa untuk penyiaran rancangan - rancangan pendidikan juga tidak semestinya pada waktu persekolahan sahaja tetapi juga meliputi hari hujung minggu dan cuti persekolahan.

Selain itu, pihak penyiaran swasta seperti TV3 perlulah menambahkan lagi pelbagai rancangan - rancangan remaja yang bercorak pendidikan dari 5.0 % seminggu kepada sekurang - kurangnya 25.0 % hingga 30.0 % seminggu. Penambahan masa rancangan - rancangan remaja ini, sekurang - kurangnya akan dapat mengisi keperluan remaja yang sememangnya dahagakan rancangan - rancangan remaja. Di samping itu, mutu serta jenis rancangan yang akan disiarkan hendaklah benar - benar dapat memberikan sesuatu yang positif kepada remaja.

Contohnya rancangan remaja yang hendak disiarkan perlulah lebih bersifat intelektual dan tidak semestinya berbentuk hiburan sahaja. Penerokaan kepada rancangan - rancangan yang lebih mencabar fizikal, minda dan kreativiti remaja tentunya dapat menarik minat remaja untuk menonton televisyen. Rancangan seperti RSB yang menyediakan pelbagai isu remaja amat sesuai dan perlu diteruskan. Sementara rancangan remaja yang menampilkan imej negatif remaja perlulah diubahkan rancangan tersebut.

Rancangan remaja bercorak moral dan agama perlulah dibanyakkan lagi. Ini boleh dilakukan dengan mempelbagaikan jenis dan corak sesuatu rancangan remaja. Menjemput individu atau pakar untuk membincangkan masalah semasa remaja adalah sesuatu yang bijak. Hasil perbincangan atau forum remaja sekurang - kurangnya dapat memberikan panduan dan pedoman kepada remaja.

Begitu juga dengan rancangan remaja yang menampilkan personaliti remaja yang telah berjaya dalam bidang akademik, kerjaya atau kehidupan mereka patut didedahkan kepada remaja. Selain itu, pengalaman atau peristiwa pahit yang pernah dilalui oleh remaja juga patut didedahkan kepada remaja lain.

Ini kerana remaja sering mempelajari sesuatu dari apa yang didengar, dilihat serta pengalaman orang lain. Remaja suka meniru atau melakukan sesuatu apa yang dinilai oleh mereka sesuai diri remaja. Jadi dengan penampilan individu remaja yang telah berjaya atau sebaliknya dalam hidup akan menjadi panduan dan pedoman penting kepada remaja.

Dunia remaja penuh dengan pencarian identiti. Setiap sesuatu perkara yang berlaku di sekeliling remaja dianggap bermakna kepada remaja. Oleh yang demikian rancangan - rancangan yang berbentuk tauladan juga perlulah dibanyakkan lagi siarannya. Melalui rancangan tersebut dapatlah remaja mengelakkan diri remaja terlibat atau terjebak kepada permasalahan yang sama.

Hanya remaja sahaja sesuai menceritakan pengalaman, peristiwa atau kejadian yang berlaku pada diri remaja kepada remaja lain. Ini kerana masyarakat remaja mempunyai nilai yang hanya dapat dirasai atau dikongsi oleh anggota remaja itu sendiri.

Ibu bapa perlulah lebih prihatin terhadap perkembangan semasa tentang rancangan - rancangan di televisyen. Ini kerana kebanyakan ibu bapa tidak mengambil peduli tentang apa yang ditontoni oleh anak - anak mereka kerana sibuk dengan urusan pekerjaan. Dengan mempastikan anak - anak mereka menonton rancangan yang berkualiti dan berfaedah tentunya dapat menjamin unsur atau nilai negatif dari televisyen tidak akan menular ke dalam minda dan jiwa anak remaja mereka.

Bagi remaja yang sentiasa terdedah kepada pelbagai imej, nilai, unsur mahupun bahan media massa yang saban hari semakin banyak di persekitaran mereka, adalah memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar dari orang dewasa.

Namun bagi remaja sendiri perlulah mempunyai sikap yang positif terhadap apa yang berlaku di sekeliling mereka.

Remaja perlu bijak mengatur masa mereka ketika menonton televisyen. Mereka juga harus bijak untuk menentukan rancangan atau program televisyen yang bagaimana harus ditontoni. Janganlah menjadi remaja yang hanya menerima sahaja tanpa membuat pertimbangan kesan baik atau buruk yang akan diterima akibat daripada menonton televisyen.

Adalah diharapkan kesan daripada pengaruh televisyen terhadap remaja akan dapat melahirkan insan remaja yang benar - benar mantap dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelek.

6.2 Kajian Lanjut

Kepada pengkaji yang berminat untuk mengkaji tentang remaja dan media terutamanya televisyen, saya mencadangkan beberapa aspek kajian yang berkaitan bolch dilakukan di antaranya ialah:

- a) mengkaji perbezaan minat remaja di bandar dengan luar bandar terhadap rancangan - rancangan remaja yang disiarkan oleh pihak TV3.
- b) mengkaji pertalian menonton televisyen dengan pencapaian akademik pelajar
- c) Mengkaji pertalian tingkah laku remaja (positif atau negatif) dengan menonton televisyen.

Melalui kajian yang dicadangkan tersebut maka beberapa dafatan akan diperoleh tentang sikap dan minat remaja di bandar dan luar bandar dan bagaimanakah pengaruh rancangan televisyen terhadap remaja

Hasil kajian dapatlah digunakan sebagai landasan kepada pihak - pihak tertentu menggariskan peraturan - peraturan yang khusus terhadap syarikat - syarikat televisyen kerajaan mahupun swasta menyiarkan rancangan - rancangan yang benar - benar bermutu.

Persoalan nilai kerohanian, moral dan etika perlulah dipupuk kepada generasi remaja agar setiap generasi remaja yang dibentuk di negara ini adalah mereka yang dapat meneruskan kecemerlangan negara menuju Wawasan 2020.